

28 APR 2001

Mahathir-Banjir (Bergambar)

PEMBANGUNAN KURANG BAIK ANTARA PUNCA BANJIR DI KL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Reka bentuk pembangunan yang kurang baik merupakan antara punca banjir kilat yang melanda Kuala Lumpur, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan perlu membelanjakan wang yang banyak serta mengatasi masalah lain seperti setinggan bagi menyelesaikan masalah banjir kilat.

"Desgin (reka bentuk) berkenaan development (pembangunan) kurang baik tapi agak terlewat sedikitlah untuk buat suatu apa, melainkan kita sanggup belanja dengan banyak dan juga kita sanggup masalah melibatkan setinggan," katanya kepada pemberita sebaik tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang daripada lawatan dua hari ke Emiriyah Arab Bersatu.

Beliau ditanya mengenai banjir kilat yang melanda bandar raya dan kawasan sekitarnya pada Khamis lepas.

Banjir akibat hujan lebih dua jam menyebabkan beribu-ribu kenderaan terperangkap, beberapa jalan utama di bandar raya dinaiki air serta dua orang mati terkena kejutan elektrik dan terjatuh.

Dr Mahathir berkata jikapun kerajaan ingin mengambil pelbagai langkah bagi mengatasi masalah banjir, pihak pembangkang akan menjadikannya isu politik.

"Jadi kalau kita nak buat suatu apa pun, saya yakin parti lawan akan menentang dan ini akan memberi masalah sampai bilapun tak boleh selesai. Kita nak selesai tapi orang nak jadikan isu politik," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai cadangan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu semalam agar mereka yang membuang sampah ke dalam sungai dikenakan hukuman penjara.

Menurut Perdana Menteri jika itu dikuatkuasakan, juga akan ada pihak yang menuduh kononya kerajaan tidak bertimbang rasa.

"Itulah, kalau kita buat orang kata tak timbang rasa...ini orang miskin, jadi kalau kita tak hendak kuat kuasa undang-undang, kita ada masalah," katanya.

-- BERNAMA

RV AZZ MAI